

B518
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 16 OGOS (BERNAMA)—DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI SEBANYAK \$41.5 JUTA AKAN DIBELANJAKAN DALAM MASA LIMA TAHUN AKAN DATANG UNTUK PEMBANGUNAN PELAJARAN TEKNIK DAN VOKESYENAL DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEMBILAN LAGI SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL DIRANCANG DIBINA DI SEMENANJUNG MALAYSIA MENJADIKAN JUMLAHNYA 30 BUAH DI AKHIR TEMPUH RANCANGAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA BILANGAN SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL DI SABAH DAN SARAWAK JUGA AKAN DITAMBAH DI SAMPING MEMBESARKAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG ADA.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN SEKOLAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL SETAKAP DI SINI, BELIAU BERKATA BILANGAN PELAJAR SEKOLAH VOKESYENAL DIJANGKA MENINGKAT 21,540 ORANG PADA TAHUN 1980 BERBANDING DENGAN 13,694 ORANG TAHUN LALU.

BELIAU MENEGASKAN TUJUAN UTAMA SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL IALAH UNTUK MENYEDIAKAN ASAS ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAGI SESUATU JENIS PEKERJAAN.

KATANYA, PELUANG BELAJAR DI SEKOLAH VOKESYENAL HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADA MEREKA YANG INGIN MEMPEROLEHI SESUATU KEMAHIRAN RENDAH DALAM BIDANG TEKNIK MELALUI KURSUS PERTUKANGAN PERINDASTRIAN DAN LAIN-LAIN MATAPELAJARAN YANG BERKAITAN DENGANNYA. -- BERSAMBUNG HM

B520

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MEMBUAT PENEGASAN INI KERANA TERDAPAT MURID DAN IBU BAPA YANG KURANG JELAS TENTANG TUJUANNYA SEHINGGA DIDAPATI MURID DARI SEKOLAH TERSEBUT INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT UNIVERSITI.

INILAH SEBAB UTAMA YANG MENJADI SALAH SATU PUNCA KEGAGALAN MURID-MURID YANG MEMASUKI SEKOLAH VOKESYENAL.

BELIAU BERHARAP MURID-MURID YANG BERSIKAP DEMIKIAN HENDAKLAH MENGUBAH SIKAP SEGERA DAN MEREKA YANG BERCADANG MEMASUKI SEKOLAH ITU PADA MASA DEPAN JANGANLAH MEMBUAT PERMOHONAN KERANA SEMATA-MATA HENDAK MENYAMBUNG PELAJARAN KE PERINGKAT MAKTAB DAN UNIVERSITI

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIANNYA AKAN MEMBERI PERHATIAN YANG LEBIH TERHADAP KURSUS KETUKANGAN PERINDASTRIAN, SAINS PUMAHTANGGA, SAINS PERTANIAN DAN KURSUS PERDAGANGAN.

KEMENTERIAN AKAN MENKKAJI DARI SEMASA KE SEMASA KESEUSIAN KURIKULUM DI SEKOLAH VOKESYENAL, MELATIH LEBIH RAMAI GURU DAN MENDAPATKAN KERJASAMA DARI PIHAK SWASTA UNTUK MENGAMBIL BEKERJA MEREKA YANG TAMAT DARI SEKOLAH INI. -- BERNAMA HM 1241